

UAE derma RM32.5j bantu Pahang

Kuantan: Kerajaan Emiriah Arab Bersatu (UAE) akan menyumbangkan kira-kira AS\$10 juta (RM32.5 juta) bagi membantu Pahang membaik pulih kerosakan prasarana akibat bencana banjir awal bulan lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata hubungan persahabatan yang akrab antara Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dan Tengku Mahkota Abu Dhabi, Shaik Mohamed Zayed Al Nahyan mendorong kerajaan Asia Barat itu membantu negeri ini mempercepatkan kerja baik kerosakan akibat banjir.

Tinjau kerosakan

Katanya, UAE akan menghantar wakilnya dalam masa terdekat bagi menilai kerosakan membabitkan sistem perparitan dan jalan raya, perumahan serta harta benda sebelum menyalurkan sumbangan berkenaan.

“Kerjasama erat antara Tengku Mahkota Pahang dan pemimpin UAE dapat meringankan bebanan semua pihak dalam mengharungi musibah banjir yang melanda di negeri ini.

“Bantuan berkenaan akan disalurkan sebaik saja kerja penilaian kerosakan daripada wakil UAE selesai dan mereka dijangka tiba ke sini minggu



Adnan bersama Timbalan Presiden Yayasan Khalifa Zayed Al Nahyan, Abdullah Zainal Abaskati (dua dari kanan) disaksi Abdullah Matar (kiri) pada majlis MoU di Kuantan, semalam.

[FOTO HALIM MAT ALI/BH]

depan,” katanya selepas menyaksikan majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) antara kerajaan Pahang dan UAE berkaitan penghantaran guru Bahasa Arab ke sekolah agama di seluruh daerah, di sini, semalam.

Turut hadir, Duta UAE ke Malaysia, Abdullah Matar Al Mazrouei; Timbalan Ketua Pengarah Yayasan Khalifa Zayed Al Nahyan, Mohamed Al Bas-

taki, Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas Khas negeri, Datuk Syed Ibrahim Syed Ahmad serta Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Datuk Mohamed Roslan Harun.

Bangga dapat bantu

“Hubungan peribadi yang terjalin sejak sekian lama antara Tengku Mahkota Pahang dan Tengku Mahkota Abu Dhabi

menyebabkan kerajaan UAE berbesar hati membantu Pahang menangani masalah berkaitan banjir,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pemberian bantuan barangan elektrik seperti televisyen dan peti ais kepada mangsa banjir ditangguhkan berikutan kerajaan negeri sedang melengkapkan butiran serta maklumat terkini mangsa.